

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PELAN PENGURUSAN LALULINTAS (BORANG JPB/PPL/L30)

Bil (A)	Borang Permohonan	Lengkap	Tidak Lengkap
1.	Tajuk kerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	No. rujukan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Jurutera perunding	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Tarikh permohonan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Alamat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Lokasi tapak	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Tempoh masa kerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Kontraktor utama	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Masa bekerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Alamat tapak	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Nama penyelia	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	No. telefon	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(B)	Butir-butir yang diperlukan	Lengkap	Tidak Lengkap
1.	Surat permohonan (cover letter) hendaklah daripada juru perunding (Awam & Struktur)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Jadual kerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Keterangan kerja (method statement)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Pre condition survey di tapak (Gambar)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	5 salinan pelan tapak (saiz A3)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Sampel fluorescent berukuran (150mm x 150mm)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Deraf kenyataan akhbar/radio	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Lampiran JKPB/PPL/SS yang telah ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Salinan polisi insurans yang masih hidup	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Surat kelulusan permit korek jalan daripada Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran / Surat kelulusan daripada Jabatan-jabatan lain dalam DBKL (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Tandatangan Pegawai Pengurusan Lalulintas (TMO)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Nama Pegawai Pengurusan Lalulintas (TMO)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13.	Jawatan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14.	Cop TMO	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15.	Tarikh	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(C)	Borang Perakuan Syarat-syarat	Lengkap	Tidak Lengkap
1.	Projek/Kerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Tandatangan Pegawai Pengurusan Lalulintas (TMO)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Nama	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Jawatan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Cop syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
(D)	Borang Perakuan Jaminan Bank	Lengkap	Tidak Lengkap
1.	Tajuk kerja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Tandatangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Cop syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Permohonan lengkap

Disemak oleh : _____

Nama : _____

Cop terima: _____

Permohonan tidak lengkap dan perlu dibetulkan

Diterima oleh : _____

Nama : _____

Cop syarikat: _____

**JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

UNDANG-UNDANG MALAYSIA, AKTA 133 :SEKSYEN 40,41,42 & 117, AKTA JALAN, PARIT & BANGUNAN 1974, AKTA 333 :SEKSYEN 83, 84 & 85, AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERMOHONAN PERMIT UNTUK MELETAKKAN BAHAN-BAHAN BINAAN / PELAN PENGURUSAN LALULINTAS (PPL) DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

TAJUK KERJA :

RUJUKAN TUAN : JURUTERA PERUNDING :

TARIKH PERMOHONAN :ALAMAT :

LOKASI TAPAK :

TEMPOH : hari/minggu/bulan KONTRAKTOR UTAMA :

MASA BEKERJA : ALAMAT :

Bersama-sama ini dikemukakan : Nama Penyelia : Tel/H.P :

Bil	Perkara	Tanda (x) jika lengkap	Makluman
1	Surat permohonan (<i>cover letter</i>) hendaklah dari juru perunding (Awam dan Struktur)		DIMESTIKAN
2	Jadual kerja (<i>Schedule of Work</i>) bagi Pelan Pengurusan Lalulintas dan aktiviti pembinaan berkaitan.		DIMESTIKAN
3	Keterangan kerja (Method of Statement) bagi Pelan Pengurusan Lalulintas dan aktiviti pembinaan berkaitan.		DIMESTIKAN
4	<i>Pre-Condition Survey</i> di tapak yang terlibat dengan Pelan Pengurusan Lalulintas.		DIMESTIKAN
5	3 salinan Pelan Ukur berwarna bersaiz A3 yang mengandungi butiran terperinci seperti berdimensi seperti berikut : i. Senarai dan bilangan jentera dan susunatur tipikal pergerakan jentera-jentera di dalam/luar tapak kerja ii. Edaran lalulintas sediada iii.PPL yang dicadangkan termasuk susunatur tapak kerja/hoarding/susunan dan jenis papan tanda, cadangan <i>road marking, delineator & blinker</i> seperti piawaian DBKL termasuk ruang pejalan kaki. iv. Pelan-pelan disahkan oleh Jurutera bertauliah dengan perakuan : 'I HEREBY CERTIFY THAT THESE WORKS HAVE BEEN DESIGNED BY ME IN ACCORDANCE WITH SOUND ENGINEERING PRACTICE AND I TAKE FULL RESPONSIBILITY FOR THE DESIGN AND PROPER PERFORMANCE OF THE SAME'		DIMESTIKAN
6	Mengemukakan sampel <i>fluorescent orange prismatic retro-reflective sheeting</i> berukuran 150mm x 150mm dan diletakkan nama dan alamat pemohon dibahagian belakang sampel.		DIMESTIKAN
7	Deraf kenyataan akhbar / pengumuman radio.		DIMESTIKAN
8	Lampiran JPB/PPL/SS dan JPB/PPL/JP yang telah ditandatangani.		DIMESTIKAN
9	Salinan Polisi Insuran – <i>Contractor All Risk & Third Party Liability</i> .		DIMESTIKAN
10	Surat kelulusan dari Jabatan Kejuruteraan Awam & Saliran DBKL bagi kerja-kerja pengorekan, penggalian jalan atau surat kelulusan daripada jabatan-jabatan lain dalam DBKL jika berkaitan.		DIMESTIKAN

Tandatangan Pegawai Pengurusan Lalulintas (TMO) :

.....

Nama :

Jawatan :

Cop & tarikh:

JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

A. Syarat-Syarat Kebenaran Untuk Meletakkan Bahan-Bahan Binaan/ Pengurusan Lalulintas / Menjalankan Kerja Di Dalam Rezab Jalan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Projek / Kerja :

Kebenaran yang diberi adalah tertakluk kepada pematuhan kepada Undang-Undang Malaysia Akta 133:Seksyen 40,41,42 dan 117 Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974, Akta 333: Seksyen 83, 84 dan 85, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan juga syarat-syarat seperti berikut :

1. Pegawai Pengurusan Lalulintas (TMO) perlu ditempatkan ditapak bagi menyelia dan memastikan aliran lalulintas, peralatan keselamatan serta kedudukan papan tanda sama seperti dalam pelan yang diluluskan.
2. Mengaturkan satu lawatan tapak untuk memeriksa persediaan awal di tapak, termasuk papan tanda dan lain-lain perkara dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebelum kerja-kerja dijalankan.
3. Mewujudkan pasukan khas sepenuh masa yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Pelan Pengurusan Lalulintas sepanjang tempoh pelaksanaan termasuk juga mengadakan pengawal bendera (flagman), khususnya di laluan keluar masuk tapak, lokasi-lokasi di mana kenderaan-kenderaan berat bekerja di dalam atau berhampiran rezab jalan dan di lokasi-lokasi lain yang wajar. Senarai nama-nama dan nombor telefon (24 jam) pasukan ini hendaklah dikemukakan bersama dengan setiap permohonan.
4. Memohon Permit Angkut Bahan (tanah, konkrit, bahan binaan) daripada Pengarah Jabatan Pengurusan Infrastruktur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi sebarang kerja tanah/pembinaan ditapak.
5. Memohon permit berasingan daripada Pengarah Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi mana-mana kerja yang melibatkan pengorekan rezab jalan dan kerja-kerja lampu jalan dan kerja-kerja saliran serta Pengarah Jabatan Pembangunan Landskap & Rekreasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi kerja-kerja pengalihan/mencantas pokok.
6. Menentukan supaya kelulusan telah diperolehi daripada Jabatan Keretapi sekiranya melibatkan Zon Perlindungan Keretapi. Segala bayaran dan wang cagaran yang dikenakan mesti dijelaskan sebelum kerja - kerja dimulakan. Salinan surat kelulusan hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan borang permohonan permit (JKPB/PPL/L30).
7. Wang cagaran dalam bentuk Jaminan Bank (bank komersial sahaja) yang sah laku untuk tempoh **dua belas (12) bulan di atas nama DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**. Hendaklah dikemukakan sebelum surat kebenaran memulakan kerja dikeluarkan. Kadar wang cagaran yang dikenakan adalah berdasarkan kepada tempoh sah kebenaran seperti berikut :

1 bulan hingga 3 bulan	-	RM 10,000.00
3 bulan hingga 6 bulan	-	RM 25,000.00
6 bulan hingga 9 bulan	-	RM 50,000.00
9 bulan hingga 12 bulan	-	RM 100,000.00

Sekiranya lanjutan tempoh bagi kerja-kerja tersebut diperlukan melebihi tempoh kadar wang cagaran seperti yang telah ditetapkan maka wang cagaran akan dikenakan mengikut tempoh kerja yang dikira secara kumulatif dari tarikh mula kerja. Wang cagaran ini hendaklah ditambah nilai sekiranya tuntutan Datuk Bandar Kuala Lumpur seperti perkara 23(iii) melebihi 30% daripada nilai asalnya. Wang cagaran hanya akan dikembalikan setelah pengesahan tapak dilakukan dan didapati tiada sebarang kerosakan berlaku di lokasi.

8. Permit Pelan Pengurusan Lalulintas untuk tempoh tiga (3) bulan saja dan perlu diperbaharui dua (2) minggu sebelum permit tamat. Laporan Keselamatan Pengurusan Lalulintas (TMSR) perlu dikemukakan bersama apabila hendak memperbaharui permit
9. Menentukan supaya butir-butir permohonan disalinkan kepada Polis Trafik bagi kerja-kerja melibatkan pelan pengurusan lalulintas termasuk juga memberi taklimat, jika perlu.
10. Menentukan supaya segala kelulusan telah diperolehi daripada Jabatan Pengairan & Saliran, Wilayah Persekutuan bagi mana-mana kerja yang melibatkan rezab sungai. Salinan surat hendaklah dikemukakan bersama dengan borang permohonan permit (JPB/PPL/L30).
11. Menentukan supaya segala kelulusan telah diperolehi daripada Jabatan Keselamatan & Kesihatan Perkerjaan seperti yang diperuntukkan dalam *Occupational Safety and Health Act, 1994*. Salinan surat kelulusan hendaklah dikemukakan bersama borang permohonan permit (JPB/PPL/L30).
12. Menentukan segala perlindungan insuran *Contractors All Risk* termasuk *Third Party Liability* telah diperolehi untuk melindungi segala kerosakan atau kecederaan yang mungkin berlaku kepada apa-apa hartanah atau orang awam akibat pelaksanaan kerja. Salinan polisi insuran hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan borang permohonan permit (JPB/PPL/L30).
13. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas rekabentuk, pembinaan dan prestasi selamat (*safe performance*) bagi semua struktur dalam peralatan/jentera yang digunakan semasa pembinaan.

14. Menanggung segala liability dan menggantirugi dan terus menggantirugi Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi apa jua tuntutan, kerugian, apa-apa tindakan atau prosiding yang mungkin dibawa terhadap beliau akibat daripada dan disebabkan oleh kerja-kerja yang terlibat.
15. Memasang papan tanda amaran dan tanda-tanda arah jenis *reflective* yang sesuai dan susunannya hendaklah menurut keperluan dan ketetapan Datuk bandar Kuala Lumpur. Penghadang (*barricade*) di sepanjang tapak kerja dikawasan rezab jalan hendaklah jenis *water-filled barrier* atau yang setaraf.
16. Memasang lampu-lampu amaran (*beacon*) jenis *blinkers* dan *rotating light* pada jarak sekurang-kurangnya 3 meter setiap satu pada waktu malam (7.00 malam hingga 7.00 pagi) dan juga pada waktu cuaca buruk dimana penglihatan kurang baik.
17. Menentukan tapak kerja, *water-filled barrier*, kon, jentera dan lain-lain perkakas pembinaan tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk.
18. Mengambil langkah-langkah untuk memastikan keselamatan orang ramai dan lalulintas terutama sekali bagi kerja-kerja yang melibatkan pembinaan struktur diatas paras jalan sama ada merentangi atau berhampiran dengan rezab jalan. Jaring keselamatan yang kukuh hendaklah dipasang untuk menahan sebarang benda daripada jatuh ke bawah.
19. Menyediakan ruang untuk pejalan kaki yang selamat dan selesa.
20. Memastikan tidak berlaku kerosakan atau ancaman kerosakan termasuk hakisan tanah terhadap harta benda kawasan bersebelahan tapak kerja.
21. Memastikan tidak berlaku sebarang kacauganggu termasuk bunyi bising yang menjejaskan ketenteraman awam dan menghindari sebarang pencemaran.
22. Menjaga dan menentukan kebersihan kawasan sekitar pada setiap masa dan selepas kerja-kerja dijalankan.
23. Membersihkan dengan serta merta sebarang tumpahan minyak, serpihan tanah/pasir yang bertabur diatas permukaan jalan.
24. Membaiki segala kerosakan kerosakan-kerosakan kepada turapan jalan, siarkaki, landskap, papan tanda dan apa-apa jua kelengkapan jalan yang berkaitan serta menentukan pelan pengurusan lalulintas dilaksanakan dan diselenggarakan pada setiap masa dan menanggung segal akos perbelanjaan yang terlibat.
25. Keengganan atau kegagalan pihak yang diberi ini mematuhi mana-mana syarat yang terkandung dalam permit ini seperti disenaraikan diatas atau dengan cara lain tidak menjadikan kawasan tapak binaan tersebut selamat dalam masa yang ditentukan dalam permit ini, boleh menyebabkan Datuk Bandar Kuala Lumpur mengambil tindakan-indakan berikut :
 - i. Menguatkuasakan undang-undang yang diperuntukkan di bawah Seksyen 42(4), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan, 1974 dengan memagar, dengan mengepung dan menerangi kawasan bahan-bahan binaan atau dengan cara lain menjadikannya selamat dan segala kos dan belanja yang timbul daripada tindakan ini ditanggung oleh pihak yang mungkir.
 - ii. Menguatkuasakan undang-undang yang diperuntukkan di bawah Seksyen 85(A), Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagiapa-apa tindakan yang telah diambil di bawah Seksyen 85(2) atau 85(3) di bawah akta yang sama.
 - iii. Menuntut segala kos perbelanjaan termasuk kos perkhidmatan akibat daripada tindakan perkara 23(i) dan 23(ii).
 - iv. Mengambil tindakan penguatkuasaan yang diepruntukkan di bawah Seksyen 42(3), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 yang mana boleh didenda sebanyak RM1,000.00 dan denda tambahan RM100.00 bagi tiap-tiap hari kesalahan diteruskan selepas 24 jam (setelah dikeluarkan notis secara bertulis oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk membuang bahan-bahan binaan yang ditinggalkan.
 - v. Mengambil tindakan penguatkuasaan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 85(7), Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang mana boleh didenda tidak melebihi RM 10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun.
 - vi. Membatalkan permit yang telah diluluskan secara bertulis pada bila-bila masa difikirkan wajar.
26. Memastikan kerja-kerja yang merentangi/memotong jalan, dilakukan di antara jam 11 malam hingga 5 pagi sahaja pada hari bekerja/hari minggu atau hari kelepasan am.
27. Kerja-kerja mengangkut struktur/peralatan berat menggunakan *trailer* hendaklah dilakukan dari jam 12 malam hingga 5 pagi sahaja dan perlu mendapat kelulusan Polis Trafik terlebih dahulu.
28. Menentukan bahawa kebenaran dari pemilik tanah diperolehi, sekiranya tapak berkenaan melibatkan tanah persendirian. Salinan surat kebenaran hendaklah dikemukakan bersama dengan borang permohonan permit (JPB/PPL/L30).
29. Sebarang perubahan kepada tatacara kerja yang telah diluluskan adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali dirujuk semula dan mendapat kelulusan bertulis daripada **DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**.
30. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sekurang-kurangnya empat (4) minggu sebelum tarikh cadangan memulakan kerja.
31. Permohonan bagi melanjutkan tempoh permit hendaklah dikemukakan kepada Pengarah, Jabatan Pengangkutan Bandar dengan mengisi borang (JPB/PPL/L30) dua (2) minggu sebelum tarikh tamat tempoh kerja.
32. Pemeriksaan tapak bersama bagi perakuan kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan dengan sempurna hendaklah diadakan sebelum sebarang pelepasan wang cagaran.

Saya / Kami telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan bersetuju untuk mematuhiya dan lain-lain syarat yang ditentukan sekiranya permohonan saya / kami diluluskan.

Tandatangan Pegawai Pengurusan Lalulintas (TMO):

Nama :

Jawatan :

Cop :

Tarikh :

Tarikh :

Pengarah,
Jabatan Pengangkutan Bandar,
Tingkat 8, Menara DBKL 2,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

Tajuk Kerja :
.....
.....

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan * Jaminan Bank (Bank Komersial Sahaja) sebanyak **RM 10,000.00 / RM 25,000.00 / RM 50,000.00 / RM 100,000.00** atas nama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang sah laku untuk tempoh 12 bulan selepas semua kerja-kerja siap dengan sepenuhnya.
3. Kami faham dan bersetuju bahawa :
 - i) Kerja-kerja tidak boleh dijalankan sehingga surat kebenaran memulakan kerja diperolehi terlebih dahulu daripada Pengarah Jabatan Pengangkutan Bandar.
 - ii) Tuntutan boleh dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur secara terus dari Bank berkaitan apabila / sekiranya keadaan memerlukan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

Cop Syarikat,

.....

* Kadar Jaminan Bank adalah berdasarkan kepada tempoh menjalankan kerja. Sila rujuk borang JPB/PPL/L30/SS dalam perkara (7)